

RISALAH PEMBERITAHUAN PRODUK

Pelanggan Yang Dihormati,

Risalah Pemberitahuan Produk (PDS) ini bertujuan untuk memberikan anda maklumat yang penting mengenai insurans kemalangan diri anda.

Pelanggan-pelanggan lain telah membaca PDS ini dan mendapati ia bermanfaat; **anda juga harus membacanya.**

**PACIFIC
INSURANCE**

A member of the Fairfax Group

Maklumat yang terkandung di dalam Risalah Pemberitahuan Produk ini adalah sah dari 1 Januari 2026.

Manfaat-manfaat yang dibayar di bawah sijil/polisi/produk yang layak adalah dilindungi oleh PIDM sehingga had perlindungan. Sila rujuk Brosur Sistem Perlindungan Manfaat Takaful dan Insurans PIDM atau hubungi The Pacific Insurance Berhad atau PIDM (layari www.pidm.gov.my).

1. Apakah Insurans Kemalangan Diri Pemandu dan Penumpang Bonus (Unit)?

Insurans Kemalangan Diri Pemandu dan Penumpang Bonus (Unit) memberikan pampasan sekiranya berlaku kecederaan, hilang upaya atau kematian yang disebabkan semata-mata oleh kejadian tidak disengajakan, luar jangkaan dan secara kebetulan kepada pemandu dan/atau penumpang semasa memandu, menunggang, menaiki atau turun dari kenderaan yang dinamakan di dalam polisi.

2. Ketahui Perlindungan Anda

Sebagai ilustrasi, dengan bayaran sebanyak RM180.00 setahun (tidak termasuk Cukai Perkhidmatan dan Duti Setem yang berkenaan) bagi kenderaan persendirian dengan kapasiti tempat duduk 5 orang di bawah 3 unit, anda akan mendapat perlindungan berikut:

Polisi ini melindungi:	Polisi ini mengecualikan:
• Indemniti kehilangan nyawa akibat kemalangan – RM30,000 • Indemniti pemutusan dan kehilangan penglihatan – sehingga RM30,000 • Pembayaran balik belanja perubatan – sehingga RM1,500	• Jangkitan bakteria • Sebarang jenis wabak • Melahirkan anak atau keguguran • Di bawah pengaruh alkohol atau dadah • Kenderaan digunakan untuk menjalankan perniagaan haram sebagai pembawa biasa tidak berlesen • Membunuh diri • Risiko peperangan • Risiko nuklear • Kenderaan digunakan bagi sewa, perlumbaan, perlumbaan jalan raya, mengkadar kelajuan, ujian kelajuan atau digunakan untuk sebarang tujuan berkaitan dengan perdagangan motor • HIV/AIDS • Pemandu tanpa lesen memandu yang sah untuk memandu kereta atau tidak layak memiliki/mendapatkan lesen memandu yang sah di bawah peraturan Jabatan Pengangkutan Jalan Malaysia/Singapura <i>Nota: Senarai ini tidak lengkap. Anda harus merujuk kepada polisi untuk senarai penuh pengecualian.</i>

Tempoh perlindungan adalah selama 1 tahun. Anda perlu memperbaharui polisi anda setiap tahun.

Sekiranya anda mempunyai sebarang pertanyaan atau memerlukan bantuan mengenai insurans kemalangan diri, anda boleh:



Hubungi kami di
+603-2633 8999



Lawati laman sesawang kami di:
The Pacific Insurance Berhad



E-mel kami di:
customerservice@pacificinsurance.com.my

3. Ketahui Kewajipan Anda

Bagi Insurans Kemalangan Diri Pemandu dan Penumpang Bonus (Unit) ini, anda dikehendaki membayar premium sebanyak:

Perlindungan Standard	RM180.00 setahun
Jumlah premium yang anda perlu bayar ialah RM180.00 .	

Anda juga dikehendaki membayar kos dan caj berikut:

Duti Setem	RM10.00
Komisen	10% daripada premium atau RM18.00 (termasuk dalam jumlah premium)
Cukai Perkhidmatan	8% daripada premium atau RM14.40

4. Terma-terma penting yang lain

- Anda perlu memberikan maklumat yang lengkap dan tepat di dalam borang permohonan.
- Anda perlu mendedahkan semua fakta material seperti pekerjaan dan aktiviti peribadi anda.
- Adalah menjadi asas dan syarat kontrak insurans ini bahawa The Pacific Insurance Berhad mesti menerima pembayaran premium sebelum tarikh kuat kuasa polisi/pengendorsan/pembaharuan ini.
- Had wilayah yang dilindungi di bawah polisi ini adalah dalam Malaysia Barat dan Singapura sahaja.
- Kelayakan: Pada tarikh kuat kuasa perlindungan ini, semua pemandu and penunggang mestilah berumur antara 3 hingga 70 tahun.
- Jumlah diinsuranskan untuk semua manfaat di atas adalah terpakai untuk tempoh insurans.
- Penumpang berumur 3 hingga 15 tahun hanya berhak mendapat 50% daripada semua manfaat di bawah manfaat Indemniti Kehilangan Nyawa akibat Kemalangan, Indemniti Pemutusan dan Kehilangan Penglihatan dan Pembayaran Balik Belanja Perubatan.
- Jumlah semua manfaat yang perlu dibayar berkenaan dengan mana-mana satu kemalangan tidak boleh melebihi RM10,000 seunit bagi setiap orang.
- Tiada pampasan hendaklah dibayar di bawah manfaat Indemniti Kehilangan Nyawa akibat Kemalangan dan Indemniti Pemutusan dan Kehilangan Penglihatan melainkan kematian atau kehilangan terjadi dalam masa 180 hari selepas tarikh kejadian kemalangan.
- Tiada pampasan akan dibayar dalam sebarang keadaan lebih dari satu daripada manfaat di bawah manfaat Indemniti Pemutusan dan Kehilangan Penglihatan.
- Kejadian bagi sebarang kehilangan di mana pampasan perlu dibayar daripada manfaat di bawah manfaat Indemniti Kehilangan Nyawa akibat Kemalangan dan Indemniti Pemutusan dan Kehilangan Penglihatan akan menamatkan insurans polisi ini dengan serta merta tanpa prasangka kepada sebarang tuntutan terjadi dari kemalangan.
- Sekiranya bilangan sebenar penumpang melebihi bilangan yang dinyatakan di dalam Jadual ini, had liabiliti Syarikat bagi setiap orang di bawah manfaat Indemniti Kehilangan Nyawa akibat Kemalangan, Indemniti Pemutusan dan Kehilangan Penglihatan dan Pembayaran Balik Belanja Perubatan akan dikurangkan oleh nisbah bilangan penumpang dengan bilangan penumpang yang diisytiharkan. Had ini tidak diguna pakai bagi pemandu.
- Notis bertulis bagi kecederaan yang mungkin mengakibatkan tuntutan mestilah diberikan kepada syarikat dalam tempoh 30 hari selepas tarikh kemalangan yang menyebabkan kecederaan tersebut.

Nota: Senarai ini tidak lengkap. Anda harus merujuk kepada polisi untuk senarai penuh terma dan syarat.

5. Bolehkah saya membatalkan polisi saya?

Jika Orang Yang Diinsuranskan pada bila-bila masa membatalkan pendaftaran kenderaan atau pindah milik kereta yang dinyatakan di dalam polisi, Syarikat atas permohonan bertulis Orang Yang Diinsuranskan, dan penyerahan polisi, akan membatalkannya juga dan akan mengembalikan premium yang belum matang kepada Orang Yang Diinsuranskan. Bagaimanapun, premium yang matang hendaklah dikira menurut peraturan Syarikat, kadar jangka pendek, diguna pakai untuk insurans ini.

Syarikat boleh membatalkan polisi ini pada bila-bila masa dengan notis bertulis dihantarkan kepada Orang Yang Diinsuranskan atau diposkan ke alamat terakhir yang dicatitkan dalam rekod Syarikat menyatakan selepas ini pembatalan tersebut akan berkuat kuasa. Jika berlaku pembatalan tersebut, Syarikat akan mengembalikan bahagian premium yang belum matang secara pro-rata daripada premium sebenar yang telah dibayar oleh Orang Yang Diinsuranskan. Pembatalan tersebut hendaklah tanpa pra-sangka kepada sebarang tuntutan yang timbul sebelumnya.

Jika anda mempunyai sebarang aduan, sila hubungi kami di:

Unit Pengawasan Aduan

40-01, Q Sentral, 2A Jalan Stesen Sentral 2, Kuala Lumpur Sentral, 50470 Kuala Lumpur, Malaysia.

(P.O. Box 12490, 50780 Kuala Lumpur, Malaysia.)

Tel: +603-2633 8999 Faks: +603-2633 8998 Emel: customerservice@pacificinsurance.com.my

Sekiranya anda tidak berpuas hati dengan maklum balas kami, anda boleh menghubungi pihak berikut:

(a) **Laman Informasi Nasihat dan Khidmat (BNMLINK) Bank Negara Malaysia**

Tingkat 4, Podium Bangunan AICB, No. 10, Jalan Dato' Onn, 50480 Kuala Lumpur

Tel: 1-300-88-5465 Faks: +603-2174 1515 Borang Sesawang: bnm.gov.my/BNMLINK

(b) **Perkhidmatan Ombudsman Pasaran Kewangan (FMOS)**

Tingkat 14, Blok Utama, Menara Takaful Malaysia, No. 4, Jalan Sultan Sulaiman, 50000 Kuala Lumpur

Tel: +603-2272 2811 Laman Sesawang: www.fmos.org.my

Lampiran

Jadual Manfaat dan Premium

SEKSYEN	MANFAAT	JUMLAH DIINSURANSKAN TAHUNAN (RM)		
		1 Unit	2 Unit	3 Unit
1.	Indemniti Kehilangan Nyawa akibat Kemalangan	10,000	20,000	30,000
2.	Indemniti Pemutusan dan Kehilangan Penglihatan			
	(a) Kehilangan kedua-dua tangan atau kaki atau penglihatan pada kedua-dua mata	10,000	20,000	30,000
	(b) Kehilangan salah satu tangan atau kaki dan penglihatan pada satu mata	10,000	20,000	30,000
	(c) Kehilangan satu tangan dan satu kaki	10,000	20,000	30,000
	(d) Kehilangan salah satu tangan atau kaki	5,000	10,000	15,000
	(e) Kehilangan penglihatan pada satu mata	5,000	10,000	15,000
3.	Pembayaran Balik Belanja Perubatan	500	1,000	1,500

Kapasiti Tempat Duduk (Termasuk Pemandu)	Premium Tahunan (RM) (Tidak termasuk Cukai Perkhidmatan dan Duti Setem yang berkenaan)		
	1 Unit	2 Unit	3 Unit
4	50.00	100.00	150.00
5	60.00	120.00	180.00
6	70.00	140.00	210.00
Setiap Tambahan Tempat Duduk	8.00	16.00	24.00